

AKHBAR : METRO
MUKA SURAT : 21
RUANGAN : LOKAL

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) menjangkakan membuka semula sistem pemilihan penempatan pegawai perubatan menerusi ePlacement antara Mei hingga Jun ini.

Sistem ePlacement adalah sistem penempatan pegawai perubatan ke lokasi yang mempunyai kekosongan berdasarkan 'first come, first serve' (siapa cepat dia dapat).

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, sistem itu dalam proses penambahbaikan untuk menjadikan ia lebih telus dan adil kepada pemohon.

"Kami ada satu pasukan menangani perkara ini dipimpin Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Lukanisman Awang Sauni, Sumber Manusia, Pengurusan Maklumat dan Kesihatan Digital serta lain-lain mereka berbincang untuk menjadikan ePlacement lebih adil.

"Kami mencerakin dan merangka satu sistem ePlacement yang mencerminkan algoritma untuk menjaga semua kawasan... Jangan semua nak Lembah Klang saja ada juga perlu ambil untuk Sabah dan Sarawak.

"Jadi kita harap April atau Mei ini, kita dapat selesai (menambah baik) sistem baharu ini kepada lebih baik, adil dan mengambil kira pelbagai kelemahan," katanya selepas kunjungan ke Balai



DR Dzulkefly diiringi Syed Hussian Aljunid (dua dari kiri) dan Farrah Naz (kanan) ketika kunjungan di Balai Berita NSTP. - Gambar NSTP/EIZAIRI SHAMSUDIN

ePlacement dibuka semula antara Mei hingga Jun depan

Berita di sini, semalam.

Beliau mengulas mengenai pembatalan pemilihan penempatan 2,245 Pegawai Perubatan berikutan gangguan teknikal serius berpunca daripada akses luar biasa terhadap sistem ePlacement pada 27 Februari lalu.

Laporan penuh capaian pada hari kejadian menunjukkan terdapat lebih 19 juta *hit* dan mengakibatkan pangkalan data sistem tidak dapat dicapai.

Akibat gangguan teknikal itu, statistik permohonan menunjukkan lebih penempatan diluluskan

berbanding kuota asal.

Terdahulu, delegasi Dr Dzulkefly disambut Pengerusi Kumpulan Media Prima Berhad (MPB), Datuk Seri Dr Syed Hussian Aljunid; Pengarah Urusan Kumpulan Media Prima, Rafiq Razali dan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan Media Prima, Rosli Sa-barudin.

Turut hadir, Ketua Pegawai Operasi (COO) Media Prima Omnia, Datuk Mohd Effendi Omar; Pengerang Urusan Kumpulan Berita & Hal Ehwal Semasa Media Prima, Jasbant Singh; Timbalan Pengerang Urusan Kumpulan

(DGME), Farrah Naz Abd Karim serta Pengarang Kumpulan Berita dan Hal Ehwal Semasa (NCA) Rangkaian Televisyen, Azhari Muhidin.

Dr Dzulkefly sempat meluangkan masa bertemu pengurusan tertinggi MPB dan melawat studio membabitkan stesen televisyen MPB, bilik berita dan konti radio MPB.

Selain itu, delegasi KKM turut mengedarkan 300 bungkusan juadah berbuka puasa berupa nasi Arab dan kuih kepada kakitangan MPB.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 25
RUANGAN : NEGERI

14/3/25 26/3/25 Sinar Harian / Negeri

Perak perluas perkhidmatan kaunseling cegah gangguan mental

TAPAH - Kerajaan negeri Perak akan terus memperkasakan perkhidmatan rawatan bagi menangani isu kesihatan mental yang dihadapi masyarakat di negeri ini.

Exco Sumber Manusia, Kesihatan, Hal Ehwal Masyarakat India dan Integrasi Nasional negeri, A Sivanesan berkata, setakat ini terdapat 13 pegawai psikologi kaunseling ditempatkan di setiap Pejabat Kesihatan Daerah.

Sementara itu, seramai 12 lagi pegawai berjawatan sama berstatus kontrak berkhidmat di institusi kesihatan di seluruh negeri.

"Memandangkan jawatan ini adalah keperluan sangat penting, saya meminta kerajaan menyeras mereka berstatus kontrak ke jawatan tetap.

"Isu ini akan saya bawa kepada pengetahuan Menteri Kesihatan supaya ia diberi perhatian segera," katanya selepas merasmikan Bilik Minda Sihat di Klinik Kesihatan Tapah pada Isnin.

Beliau berkata, kebimbangan terhadap perkembangan kesihatan mental semakin meningkat apabila statistik menunjukkan tingkah laku bunuh diri di negeri ini adalah tinggi iaitu 106 kes dari 2022 hingga 2024.

Ujarnya, hasil kajian dijalankan mendapati, terdapat banyak faktor menjadi punca berlakunya kes tersebut dan dalam hal ini, pihak kaunseling memainkan peranan penting.

"Kerajaan negeri memandang berat isu ini dan tiada masalah salurkan peruntukan bagi memastikan lebih banyak program diadakan," katanya.

Sivanesan (kiri)
ketika merasmikan Bilik
Minda Sihat di Klinik
Kesihatan Tapah
pada Isnin.



AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NASIONAL

ePlacement baharu lebih telus, adil

Permohonan
dijangka dibuka
semula antara
Mei, Jun depan

Oleh Farah Marshita Abdul
Patah dan Noor Hafizah
Ahmad Jaafar
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sistem pemilihan penempatan pegawai perubatan, ePlacement yang baharu dijangka dibuka semula antara Mei dan Jun ini.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata pelaksanaan sistem baharu itu dipimpin oleh Timbalannya, Datuk Lukanisman Awang Sauni.

Beliau berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) dijangka membuka semula permohonan dalam masa enam ke lapan minggu dari 17 Mac lalu selepas sistem baharu dimuktamadkan dan diuji kemampuannya sebelum dilaksanakan.

"ePlacement baharu ini lebih adil, bukan berdasarkan 'siapa cepat dia dapat' yang mencetuskan gangguan teknikal.

Jadi, kami akan cerakinkan



Dr Dzulkefly diiringi Syed Hussian serta pengurusan tertinggi Media Prima melawat Balai Berita Bangsar, semalam.
(Foto Eizairi Shamsudin/BH)

dan merangka satu sistem ePlacement yang akan mencerminkan algoritma untuk menjaga semua kawasan. Jangan semua nak Lembah Klang, ada juga perlu ambil untuk Sabah dan Sarawak," katanya kepada media selepas bertemu dengan pengurusan tertinggi Media Prima Berhad (Media Prima) di Balai Berita Bangsar, di sini semalam.

Pada 27 Februari lalu KKM

membatalkan pemilihan penempatan 2,245 Pegawai Perubatan ekoran gangguan teknikal yang serius berpunca daripada akses luar biasa terhadap sistem ePlacement.

Laporan penuh capaian pada hari kejadian menunjukkan terdapat lebih 19 juta 'hit' dan mengakibatkan pangkalan data sistem tidak dapat dicapai.

Akibat daripada masalah gang-

guan teknikal berkenaan, statistik permohonan juga menunjukkan lebih penempatan yang diluluskan berbanding kuota asal.

Edar juadah berbuka puasa

Terdahulu pada lawatan itu, Dr Dzulkefly turut mengedarkan 300 pek juadah berbuka puasa kepada warga kerja Media Prima.

Beliau kemudian melawat studio membabitkan stesen televis-

yen Media Prima iaitu TV3, TV9, 8TV serta bilik berita New Straits Times (NST), Berita Harian (BH) dan Harian Metro (HM) di bawah The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad (NSTP).

Beliau turut meninjau operasi Radio Media Prima Audio yang menempatkan rangkaian Hot FM, Kool 101, Molek FM, Fly FM dan Eight FM.

Kehadiran Dr Dzulkefly diiringi Pengerusi Kumpulan Media Prima Berhad (Media Prima), Datuk Seri Dr Syed Hussian Aljunied; Pengarah Urusan Kumpulan Media Prima, Rafiq Razali dan Ketua Pegawai Operasi (COO) Media Prima Omnia, Datuk Mohd Effendi Omar.

Turut serta, Pengarah Urusan Kumpulan (GME), Jasbant Singh; Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan Media Prima, Rosli Sabarudin; Pengurus Besar Kumpulan Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan Media Prima, Azlan Abdul Aziz; Pengarah Kumpulan Berita & Hal Ehwal Semasa (NCA) Rangkaian Televisyen, Azhari Muhidin serta Timbalan Pengarah Urusan Kumpulan Berita & Hal Ehwal Semasa Media Prima merangkap Pengarah Kumpulan New Straits Times (NST), Farrah Naz Abd Karim.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NATION

NewStraitsTimes . WEDNESDAY, MARCH 26, 2025 m/s 6

6

NEWS / Nation

TO ADDRESS SHORTCOMING

ePLACEMENT TO BE FAIRER, SAYS MINISTER

New system, based on algorithms, to be announced in May or June

IYLIA MARSYA ISKANDAR
AND NASHA ALYSA MAKMAL
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE Health Ministry is expected to announce a new date for the ePlacement selection in May or June, said Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

He said the testing and engagement sessions would take place in six to eight weeks following the announcement by Health director-general Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan on the postponement of the ePlacement selection system on March 17.

Following that, he said, a new date would be announced.

"It will not be a first come, first served system. Instead, it will incorporate other algorithms to ensure fairness. While many prefer placements in the Klang Valley, there are also roles that need to be filled in Sabah and Sarawak.

"The new system will be improved to be fairer and more equitable, addressing shortcomings of the current ePlacement system," he said during a visit to Media Prima Bhd's (MPB) Balai Berita, Bangsar, here yesterday.

He said previously technical glitches and system crashes occurred because of the first come,

first served approach and multiple device entries.

Hence, he pledged to build a better and fairer ePlacement system.

"It has been explained by the Health director-general that there are shortcomings in the ePlacement system that we launched on Feb 27.

"We are urgently addressing these issues with a dedicated team led by the deputy health minister, involving the human resources, information and digital health divisions, along with other relevant parties. They are discussing ways to make the ePlacement system fairer."

On March 17, Radzi announced that the new application dates for the ePlacement system, previously set for March 25 to 27, had been cancelled and would be rescheduled to a later date, to be announced in due course.

He said the current ePlacement selection system, which operates on a first come, first served basis, would be replaced with a more transparent, fairer and merit-based system.

He said the Health Ministry anticipated reopening applications in six to eight weeks.

On another matter, Dzulkefly said a new basic health insurance product, which would be developed by the Health Ministry, Bank Negara Malaysia (BNM), relevant ministries and agencies together with industry players, would be an innovative approach for the public.

"This product will offer good coverage, at least at the most fundamental level. Everyone will



Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad (second from left) visiting Media Prima Bhd's Balai Berita in Bangsar yesterday. With him are MPB chairman Datuk Seri Dr Syed Hussian Aljunied (left), Media Prima News and Current Affairs Division group managing editor Jasbant Singh (centre), deputy group managing editor Farrah Naz Karim (fourth from left) and Media Prima Omnia chief operating officer Datuk Mohd Effendi Omar (right). NSTP PIC BY EIZAIRI SHAMSUDIN

have access to this product, but if individuals wish to have additional coverage, they will have the option to pay more," he said.

On March 11, Deputy Prime Minister Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi announced that BNM, with the Health Ministry and Employees Provident Fund, would take steps to develop basic health insurance and takaful products that emphasise a value-based healthcare approach.

He said this initiative was part of the national healthcare reform efforts that must be implemented urgently to ensure more sustainable access to medical treatment.

During his visit to MPB yesterday, Dzulkefly met with MPB's top management and toured the newsrooms of the *New Straits Times*, *Berita Harian* and *Harian Metro* under the New Straits Times Press (Malaysia) Bhd.

He also visited the studios of TV3, TV9 and 8TV, Media Prima Audio and Rev Media Group.

He was accompanied by MPB group chairman Datuk Seri Dr Syed Hussian Aljunied, group managing director Rafiq Razali, group chief financial officer Rusli Sabarudin and Media Prima News and Current Affairs (NCA) Division group managing editor

Jasbant Singh.

Also present were deputy group managing editor Farrah Naz Karim, NCA group editor Azhari Muhidin and NST deputy group editor Sharanjit Singh Tara Singh.

As part of the visit, Dzulkefly distributed 300 food packs to Media Prima's staff.

"I must extend my congratulations and am very excited to discuss how a complex ministry like this can establish work processes and understanding (with the media).

"This will allow for more strategic and extensive coverage, as it is crucial for me that the people gain awareness and exposure, responsibly and with full accountability, through factually accurate coverage."

He said it was essential not only for the ministry but also for the government to have the opportunity to communicate and showcase their activities to the public.

"As a minister who understands the people's needs, I want to ensure they receive information directly from the source in a way that is well-executed, highly innovative and responsible.

"This is what I hope we can continue together," he said.

RM50 MILLION FUND

SME Bank launches scheme for Indian entrepreneurs

KUALA LUMPUR: Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Bhd (SME Bank) launched the Vanigham Financing Scheme yesterday to support Indian entrepreneurs in Malaysia.

Deputy Entrepreneur and Cooperatives Development Minister Datuk Seri R. Ramanan said the scheme was designed to benefit up to 250 applicants, offering a financing tenure of up to seven years.

"This scheme allocates RM50 million to provide financing for the acquisition of machinery, equipment, commercial vehicles and working capital, which are essential for business expansion.

"It offers a low profit rate of 3.5 per cent to six per cent, with financing amounts ranging from RM100,000 to RM300,000."

Present were the ministry's secretary-general, Datuk Seri Khairul Dzaimie Daud, SME Bank's acting group president/chief executive officer, Datuk Dr Mohammad Hardee Ibrahim, and chairman Datuk Muslim Hussain.

Ramanan said the ministry had presented the initiative to Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim, securing his support and an additional one per cent profit subsidy rate.

On the eligibility rule for the scheme, he said both new and existing SME Bank customers could apply.

Applications are open until Dec 31, 2027. Interested applicants can apply online via SME Bank's website or visit any SME Bank branch nationwide.

FOCUS ON PUBLIC TRANSPORT

AKHBAR : STAR METRO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : EVENTS

PERAK

Star Metro mlg 6 Star Metro Events



Hospital management led by Dr Sivanandarajah (third from right) during the visit to a patient's home in Slim River.

Hospital team visits patients in Slim River

SOME 21 patients of Hospital Slim River were surprised with a home visit by hospital director Dr S. Sivanandarajah.

He presented them with Rahmah baskets containing dried goods, flour, rice, bee hoon (rice vermicelli) and beverages.

Dr Sivanandarajah said this was the hospital's first door-to-door visit.

"The hospital's sports and welfare club had earlier collected

funds for the initiative.

"It was an opportunity for us to learn about the needs and daily challenges faced by the patients," he said in a press release.

"We asked them how they got to their appointments, their financial background, relationship with family members and also their opinion on the health-care services provided by the hospital."

Dr Sivanandarajah said the recipients were selected by the hospital's clinical and medical welfare departments.

"They are regular patients who attend follow-ups for conditions like diabetes and other chronic diseases.

"I hope more such visits can be held in the future in conjunction with other festivals and international health-related celebrations," he added.